

Ireka untung RM205j jual Westin

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Ireka Corporation Bhd. (Ireka) memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM204.6 juta hasil jualan Hotel Westin Kuala Lumpur kepada sebuah syarikat pelaburan hartanah antarabangsa.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Lai Siew Wah berkata, keuntungan yang diperolehi melalui jualan Hotel Westin pada harga RM455 juta kepada Newwood Assets Ltd. itu

akan digunakan sebagai modal kerja, untuk membayar pinjaman dan memberi dividen kepada pemegang saham.

Katanya, sebanyak RM96.5 juta akan digunakan sebagai modal kerja bagi mencari peluang strategik yang berkaitan dengan perniagaan terasnya iaitu pembinaan, pembangunan hartanah dan teknologi maklumat.

“Pada masa ini, kami sedang mengena-

lpasti peluang pelaburan selaras dengan strategi kami untuk meningkatkan nilai pemegang saham.

“Kami mempunyai projek pembangunan hartanah yang cukup di Malaysia bagi tempoh tiga hingga lima tahun akan datang dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.2 bilion,” katanya selepas mesyuarat agung tahunannya di sini hari ini.